

**MALANG SI PANDA: PENERAPAN KESEDARAN
TERHADAP PENCEGAHAN COVID-19 DALAM
KALANGAN KANAK-KANAK MENERUSI
WAYANG KANAK-KANAK**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

NURUL ADILAH IKHSAN BINTI ABDUL KHALID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**MALANG SI PANDA: PENERAPAN KESEDARAN TERHADAP PENCEGAHAN
COVID-19 DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MENERUSI WAYANG
KANAK-KANAK**

NURUL ADILAH IKHSAN BINTI ABDUL KHALID

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

UPSI/PS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..7.....(hari bulan).....Jun..... (bulan) 20 ..22.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Nurul Adilah Ikhsan Binti Abdul Khalid, M20191000761, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 Dalam Kalangan Kanak- Kanak Menerusi Wayang Kanak- Kanak

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Ybrs. Dr. Muhammad Faisal Bin Ahmad (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 Dalam Kalangan Kanak- Kanak Menerusi Wayang Kanak- Kanak

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pengajian Persembahan (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

14 Jun 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD
PENSYARAH KANAN
JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK

UPSII/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan
Covid-19 Dalam Kalangan Kanak- Kanak Menerusi Wayang Kanak- Kanak

No. Matrik /Matric's No.: M20191000761

Saya / I: Nurul Adilah Ikhsan Binti Abdul Khalid
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Nurul
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 14 Jun 2022

DR. MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD
PENSYARAH KANAK
JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Illahi dengan limpah dan kurnia-Nya saya telah dianugerahkan kesihatan yang baik untuk menyempurnakan kajian ilmiah ini dengan lancar. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, iaitu Ybrs. Dr Muhammad Faisal Bin Ahmad kerana telah memberi tunjuk ajar dan juga membimbing saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya dalam usaha memperkukuhkan kajian yang saya kaji sehingga ke hari ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada kanak-kanak dan guru Tabika Kemas yang telah memberi kerjasama dan bantuan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Di samping itu, tidak saya lupakan juga ibu bapa dan keluarga tercinta kerana telah memberi sokongan dan dorongan yang tidak terbelah bahagi sehingga saya mampu berdiri pada hari ini untuk menyiapkan kajian ilmiah yang dikaji ini. Akhir kata, ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya kerana telah membantu dalam perkongsian idea yang bernas yang perlu dihasilkan oleh saya dalam menghasilkan penulisan akademik yang baik. Semoga segala jasa dan keringat yang kalian berikan mendapat balasan daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Nurul Adilah Ikhsan Binti Abdul Khalid
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

ABSTRAK

Tanpa kita sedari kanak-kanak turut terlibat secara langsung dan menjadi golongan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti Covid-19. Oleh itu, kajian ini ingin memfokuskan langkah pencegahan Covid-19 kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Pengkajian ini lebih tertumpu untuk mengenalpasti maklumat kesedaran tentang Covid-19 yang perlu disampaikan kepada golongan kanak-kanak, menghasilkan skrip *Wayang Kanak-kanak* bertajuk *Malang Si Panda* berpandukan maklumat kesedaran pencegahan Covid-19 dan mempersembahkan *Wayang Kanak-kanak* yang bertajuk *Malang Si Panda* yang melibatkan karakter haiwan yang membawa mesej mengenai pencegahan Covid-19. *Malang Si Panda* ditayangkan secara dalam talian menerusi *Facebook live*. Teori imaginasi sosiologi daripada C. Wright Mills turut memberi inspirasi dalam memperkukuhkan kajian. Selain itu, kaedah kualitatif digunakan dalam kajian seperti sumber bacaan iaitu kajian lepas, akhbar dan jurnal, sumber karya kreatif iaitu penghasilan video kreatif menerusi YouTube, program animasi dan kajian lapangan iaitu temubual terhadap fokus kumpulan. Kajian ini dapat dicapai dengan menerapkan beberapa langkah pencegahan seperti menjaga kebersihan diri dengan mengamalkan gaya mencuci tangan yang betul, menjaga penjarakan fizikal, kekal berada di dalam rumah memakai pelitup muka. Dengan itu, besar harapannya agar kajian ini dapat membantu kanak-kanak dalam memahami aspek kesedaran terhadap virus Covid-19.

MALANG SI PANDA: THE APPLICATION OF COVID-19 PREVENTION AWARENESS AMONG CHILDREN THROUGH “CHILDREN’S MOVIE”

ABSTRACT

Without us realising, children are directly involved and are at risk of Covid-19 infection. Therefore, this study focuses on Covid-19 preventive measures among children aged four to six years old. This study is to identify awareness information about Covid-19 that needs to be conveyed to children, producing children’s movie script entitled “Malang Si Panda” based on Covid-19 preventive measures and present a children’s movie involved animal characters titled “Malang Si Panda” through *Facebook live*. The sociological imagination theory by C. Wright becomes an inspiration to further strengthen the study. In addition, this study also uses qualitative methods such as reading resources like previous studies, newspapers and journals, creative works through creative videos on Youtube, animation programmes, and field studies through interviews on focused groups. This study is achieved by implementing several preventive measures for example frequent hand washing, maintaining social distancing and wearing face masks. Thus, it is hoped that this study can create awareness among children on the Covid-19 virus.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Inspirasi/ motivasi	3
1.2	Matlamat penciptaan	5
1.3	Persoalan dan objektif penciptaan	7
1.3.1	Persoalan penciptaan	7
1.3.2	Objektif penciptaan	8
1.4	Kontekstualisasi topik	8
1.4.1	<i>Wayang kanak-kanak</i>	9
1.4.2	Virus Covid-19	11
1.4.3	Konsep minimalis	15
1.4.4	Medium persembahan secara dalam talian	16
1.5	Imaginasi dan idea penciptaan	18



1.6	Kesimpulan	21
-----	------------	----

Bab 2 KAJIAN LITERATUR DAN KARYA KREATIF

2.1	Kajian literatur	22
2.1.1	Teater kanak-kanak	23
2.1.2	Wayang kulit	24
2.1.3	Pembelajaran secara dalam talian semasa pandemik Covid-19	28
2.1.4	Pandangan masyarakat tentang amalan pencegahan Covid-19	33
2.1.5	Konsep rekaan minimalis	35
2.2	Kajian karya kreatif	36
2.3	Keaslian penciptaan	40
2.3.1	Skrip	40
2.3.2	Muzik dan lagu	41
2.3.3	Wayang kanak-kanak	42
2.4	Kesimpulan	43

BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN

3.1	Konseptualisasi idea penciptaan	44
3.1.1	Penciptaan wayang kulit	45
3.1.2	Komunikasi yang melibatkan perbezaan elemen	45
3.1.3	Medium persembahan secara dalam talian	47
3.1.4	Konsep minimalis	49
3.1.5	Pemilihan karektor dalam <i>Malang Si Panda</i>	50
3.2	Landasan teori penciptaan	51
3.2.1	Imaginasi sosiologi oleh C. Wright Mills (1959)	52

**BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF**

4.1	Kaedah pengumpulan maklumat penciptaan	57
4.1.1	Objektif kajian: Menenalpasti maklumat kesedaran tentang Covid-19 yang perlu disampaikan kepada golongan kanak-kanak	60
4.1.2	Objektif kajian: Menghasilkan skrip Wayang Kanak-kanak bertajuk <i>Malang Si Panda</i> berpandukan maklumat kesedaran pencegahan Covid-19	60
4.1.3	Objektif kajian: Mempersembahkan Wayang kanak-kanak yang bertajuk <i>Malang Si Panda</i> secara dalam talian.	61
4.2	Pendekatan penciptaan	76
4.2.1	Skrip	76
4.2.2	Lagu	77
4.2.3	Pendekatan penerapan elemen wayang kulit	79
4.2.4	Konsep rekaan set minimalis	80
4.2.5	Kostum	82
4.2.6	Pementasan secara dalam talian menerusi <i>Facebook Live</i>	84

BAB 5 DESKRIPSI KARYA KREATIF

5.1	Pembentukan karya	86
5.1.1	Fasa Penciptaan	87
5.2	Struktur Karya	89
5.2.1	Lagu ciptaan original	93
5.3	Program Persembahan	96

BAB 6 REFLEKSI DAN RUMUSAN

6.1	Refleksi	97
6.2	Rumusan	100



RUJUKAN

105

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Fasa dalam pementasan	20
3.1	Watak dan perwatakan bagi pelakon Malang Si Panda	51
4.1	Reka bentuk karya Malang Si Panda	62
5.1	Sinopsis Malang Si Panda	87
5.2	Fasa dalam pementasan	89
5.3	Mesej dalam babak	91
5.4	Proses persembahan	96



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Pelan lantai	50
3.2 Kerangka teori imaginasi sosiologi	54
4.1 Jantina	64
4.2 Umur	64
4.3 Adakah adik tahu tentang virus Covid-19?	65
4.4 Daripada manakah adik tahu tentang virus ini?	66
4.5 Adakah adik tahu tentang langkah penjagaan diri bagi mencegah virus Covid-19?	66
4.6 Apakah perasaan adik terpaksa duduk di rumah sepanjang tempoh Covid-19?	67
4.7 Apakah yang adik peroleh daripada menonton sesebuah rancangan hiburan melalui sosial media?	68
4.8 Saya menggunakan internet selama?	68
4.9 Sudahkah adik menonton Malang Si Panda?	69
4.10 Adakah adik seronok menonton Malang Si Panda?	70
4.11 Empat watak haiwan yang ada dalam video Malang Si Panda.	70
4.12 Mengapakah haiwan lain tidak mahu berkawan dengan Panda?	71
4.13 Adakah Malang Si Panda membantu dalam menyampaikan informasi tentang Covid-19?	72
4.14 Berikan langkah pencegahan yang dinyatakan di dalam persembahan.	72
4.15 Adakah adik akan mengaplikasikan langkah pencegahan Covid-19 walau di mana berada?	73
4.16 Mengapakah kita perlu duduk dirumah?	74
4.17 Gaya bahasa yang digunakan oleh pelakon mudah difahami?	74



4.18	Berikan komen atau cadangan.	75
4.19	Susunan rekaan set	81
4.20	Kostum dan solekan pelakon	83

SENARAI SINGKATAN

KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MERS	Middle East Respiratory syndrome-related
SARS	Severe acute respiratory syndrome coronavirus
SOP	Standard operating procedure



SENARAI LAMPIRAN

- A Skrip Malang Si Panda
- B Set soalan sebelum dan selepas menonton Malang Si Panda
- C Watak wayang kulit
- D Proses latihan
- E Transkrip temu bual pelakon
- F Surat pelantikan sebagai panel penilai kesahan/ kebolehgunaan





BAB 1

Pengenalan/ Latar Belakang



Kesedaran ditakrifkan sebagai keinsafan, rasa sedar atau perihai kepada sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Maka aspek kesedaran penting untuk menjadikan seseorang itu lebih baik dari sebelumnya. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji telah mendapat kesedaran untuk menghasilkan karya yang bertajuk *Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 dalam Kalangan Kanak-kanak menerusi Wayang Kanak-kanak*. Virus ini telah menimbulkan keresahan dan tekanan yang sering membelenggu masyarakat. Maka medium persembahan diharapkan dapat membantu dalam memberi kesedaran pencegahan kepada masyarakat terutama golongan kanak-kanak tentang virus Covid-19 yang sedang menular.

Menurut pakar psikiatri Hospital Tunku Azizah, Dr Joni Teoh Bing Fei di dalam akhbar yang ditulis oleh Shanika Abdullatib (2020), ada menyatakan bahawa kanak-kanak yang tidak memahami dengan betul berkenaan Covid-19 lebih berpontesi merasa



risau dan bimbang. Tambahnya, kanak-kanak menjadi tertekan, marah dan kerap bergaduh dengan adik beradik dirumah kerana kehilangan rutin harian sepanjang tempoh pandemik. Menurut Shanika Abdullatib lagi terdapat segelintir ibu bapa yang bersifat terlalu melindungi anak sehingga tercetusnya sindrom tidak mahu ke sekolah. Ibu bapa sewajarnya memainkan peranan yang penting dalam mengimbangi perasaan seperti mengongkong, bimbang serta perlu berfikir rasional supaya anak tidak merasa tertekan.

Kanak-kanak juga berpotensi untuk dijangkiti virus Covid-19. Menurut pakar perunding penyakit berjangkit iaitu Datuk Dr. Christopher Lee di dalam akhbar Sinar Harian (2020), kanak-kanak turut berisiko dalam menghidap jangkitan virus Covid-19 sama seperti golongan dewasa dan sekali gus ia menggunakan langkah pencegahan yang sama. Kanak-kanak juga berhak untuk mengetahui tentang fenomena yang telah terjadi dipersekitaran mereka dan mengapa langkah-langkah penjagaan diri perlu dipraktikkan dalam kehidupan mereka (Aza Jemima Ahmad, 2020).

Menurut Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Malah kanak-kanak juga didefinisikan sebagai sebahagian daripada masyarakat yang merupakan aset negara serta nadi pembangunan negara pada masa akan datang (Dasar Kanak-kanak Negara, 2008). Kanak-kanak lebih mudah untuk menerima maklumat dan arahan apabila berlakunya perubahan medium penyampaian kepada cara yang lebih kreatif dan mengandungi warna yang mampu menarik perhatian (Hamdan Daniel, 2018).



Kajian ini berperanan untuk menyalurkan mesej kesedaran pencegahan diri daripada virus Covid-19 ke dalam sebuah pementasan dengan menyuntik elemen wayang kulit dalam teater kanak-kanak. Andika Aziz Hussin (2019) menyatakan di negara Barat, mereka sememangnya sinonim dengan penggunaan teater dari peringkat bangku sekolah rendah lagi. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa persembahan teater telah menjadi suatu budaya kehidupan mereka di sana. Andika Aziz Hussin juga menyatakan bahawa di Malaysia, bidang teater bukanlah satu bidang yang asing kerana kita telah didedahkan kepada dunia teater sejak beratus tahun dahulu seperti seni tradisional mak yong, randai, jikey, menora, bangsawan, sandiwara, purbawara dan teater moden.

1.1 Inspirasi/ motivasi



Setelah negara dilanda badai yang mampu mempengaruhi kehidupan harian akibat Covid-19, masyarakat tidak seharusnya memandang ringan terhadap emosi dan mental kanak-kanak kerana seperti yang telah dinyatakan kanak-kanak tidak terkecuali untuk dijangkiti virus ini. Di Malaysia ratusan kanak-kanak telah dijangkiti dan sekiranya termasuk negara lain, tentunya jumlah tersebut bertambah menjadi ribuan bahkan boleh mencecah juta kerana statistik daripada dua buah negara telah menunjukkan seramai 317 kanak-kanak di Malaysia bawah 12 tahun dijangkiti virus Covid-19 (Nuru Huda Husain, 2020) serta berdasarkan akhbar Sinar Harian (2020) hampir 480 000 kanak-kanak di Amerika Syarikat dijangkiti Covid-19. Golongan ini mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat jangkitan dan dalam masa yang sama boleh menjadi penyebar kepada individu lain sekiranya langkah pencegahan tidak diambil.





YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin (2020) di dalam Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai Covid-19 ada menyatakan bahawa kerajaan telah memutuskan bagi melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara Malaysia. PKP ini dibawah Akta Pencegah dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 yang mengakibatkan kanak-kanak tidak dibenarkan untuk ke sekolah seperti biasa pada sebelumnya. Ini kerana semua tabika, sekolah kerajaan dan swasta, pusat tahfiz, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa dan lain-lain institut pendidikan diarahkan untuk tutup sementara waktu bermula 18 Mac 2020 dan perlu menjalankan pembelajaran secara dalam talian. Berdasarkan akhbar Bernama (2020) ia merupakan satu kejutan ditambah pula dengan ketidak sediaan banyak pihak untuk menjalankan kaedah pembelajaran dan pengajaran di rumah. Rentetan itu, situasi sebegini memerlukan kanak-kanak untuk bersedia dari segi mental dan fizikal bagi menjalankan transisi persekolah di rumah yang mencabar.

Bertolak daripada norma tersebut, pengkaji ingin menjalankan sebuah pementasan yang bertajuk *Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 dalam Kalangan Kanak-kanak menerusi Wayang Kanak-kanak*. Ia merupakan karya pengkaji sebagai sebuah ekspresi yang muncul setelah melihat keadaan negara pada tahap globalisasi. Karya ini menceritakan tentang latar belakang pandemik Covid-19 dan golongan yang mudah dijangkiti. Virus Covid-19 mengambil masa inkubasi selama empat belas hari kerana tempoh bagi peneraman virus ini adalah antara empat-lima hari sehingga empat belas hari dan 97.5% individu yang dijangkiti menunjukkan gejala pada hari ke sebelas selepas dijangkiti (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Malah karya ini menggabungkan langkah-langkah penjagaan diri seperti yang sarankan oleh kerajaan iaitu penjarakan satu meter, jangan berkumpul





ditempat awam yang sesak, menjaga kebersihan diri dan kesan positif yang boleh dijadikan pedoman akibat penularan virus Covid-19.

Oleh itu, dalam meniti arus modenisasi media massa banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat sehingga boleh dikatakan bahawa majoriti rakyat di Malaysia menggunakan jalur lebar internet. Statistik menunjukkan bahawa 28.7 juta pengguna internet pada tahun 2018 dan 61.8 peratus daripada jumlah itu merupakan pengguna yang berkongsi maklumat menggunakan teknologi tersebut (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020). Maka setelah melihat statistik tersebut, pengkaji telah mendapat inspirasi untuk menggunakan medium media massa ini sebagai salah satu cara pementasan yang bakal dijalankan. Hal ini adalah untuk menyampaikan mesej pencegahan Covid-19 kepada kanak-kanak dengan menerapkan elemen wayang kulit dalam persembahan teater kanak-kanak.



1.2 Matlamat penciptaan

Matlamat penciptaan pengkaji adalah untuk memberi kefahaman dan didikan terhadap golongan kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun dengan pendekatan seni persembahan. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan beberapa metodologi kajian dalam mengenalpasti maklumat kesedaran pencegahan Covid-19 yang perlu disampaikan kepada golongan kanak-kanak. Teater kanak-kanak pula merupakan teater yang digunakan sebagai medium pembelajaran. Malah menurut Dublin (1999) dalam kajian Lakshmi dan Mohd Kipli Abdul Rahman (2018) ada menyatakan bahawa teater





mampu memberi sumbangan kepada pembangunan kanak-kanak dari sudut pengetahuan baharu menggunakan dimensi pengalaman dan imaginasi aktiviti.

Bagi mencapai matlamat penciptaan, pengkaji telah menghasilkan skrip teater kanak-kanak untuk golongan ini mudah memahami tindakan yang perlu diambil semasa pandemik Covid-19. Oleh itu, pengkaji memilih golongan empat hingga enam tahun kerana kanak-kanak yang berada dalam lingkungan ini lebih mudah mempelajari sesuatu yang baru melalui penceritaan dalam persembahan kreatif tentang pandemik Covid-19 yang berlaku pada hari ini. Maka langkah kesedaran pencegahan Covid-19 yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadi isu utama yang disampaikan dalam persembahan.



semua masyarakat termasuklah golongan kanak-kanak. Tetapi apa yang dikhuatiri adalah adakah kanak-kanak memahami dengan betul tentang Covid-19. Oleh itu, menurut Su Yi (2014), aspek kreativiti yang menggunakan imaginasi dan fikiran penting dalam pendidikan prasekolah. Tambahan lagi, kanak-kanak lebih tertarik dengan medium yang digunakan oleh pengkaji berbanding kaedah tradisional seperti membaca buku kerana aras pengkajian pada bahan bacaan berkaitan pandemik adakalanya agak sukar difahami oleh mereka. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011) di dalam kajian yang dibuat oleh Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), unsur humor hendaklah diselitkan oleh tenaga pengajar dalam sesi pembelajaran. Perkara ini bagi mengelakkan kanak-kanak berasa keliru atau tertekan semasa proses memahami apa itu Covid-19. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa tahap pemikiran dan penerimaan manusia berada di aras yang



berbeza. Oleh itu, pentingnya dalam memberikan kefahaman kepada kanak-kanak berkaitan dengan virus Covid-19. Perkara ini bagi memastikan agar kanak-kanak terus mematuhi dan mengamalkan norma baharu seperti yang telah disarankan oleh pihak KKM.

Matlamat projek persembahan ini juga adalah untuk menerapkan tiga elemen wayang kulit dalam persembahan teater kanak-kanak berdasarkan isu Covid-19. Oleh itu, pengkaji menyuntik tiga elemen wayang kulit seperti dalang, patung dan kelir ke dalam teater kanak-kanak. Perkara ini disebabkan oleh teater kanak-kanak merupakan medium utama bagi persembahan ini. Pemilihan bagi menggabungkan wayang kulit adalah kerana ia memiliki aspek yang baik dalam mendidik dan mampu meningkatkan keterampilan kanak-kanak dalam berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang

1.3 Persoalan dan objektif penciptaan

1.3.1 Persoalan penciptaan

1. Apakah maklumat kesedaran pencegahan yang ingin disampaikan kepada golongan kanak-kanak?
2. Bagaimanakah maklumat kesedaran pencegahan Covid-19 diterapkan dalam bentuk karya kreatif?
3. Bagaimanakah skrip *Wayang Kanak-kanak Malang Si Panda* dipersembahkan?

1.3.2 Objektif penciptaan

1. Mengenalpasti maklumat kesedaran tentang Covid-19 yang perlu disampaikan kepada golongan kanak-kanak.
2. Menghasilkan naskhah *Wayang Kanak-kanak* bertajuk *Malang Si Panda* berpandukan maklumat kesedaran pencegahan Covid-19.
3. Mempersembahkan *Wayang Kanak-kanak* yang bertajuk *Malang Si Panda* secara dalam talian.

1.4 Kontekstualisasi topik

 05-4506832    Kontekstualisasi topik merupakan lingkungan kajian yang akan menjelaskan mengenai ptbupsi

elemen-elemen yang terdapat dalam tajuk kajian yang berbunyi *Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 dalam Kalangan Kanak-kanak menerusi Wayang Kanak-kanak*. Maka isu yang akan dikupas ialah virus Covid-19, menerusi suntikan elemen wayang kulit dalam teater kanak-kanak yang dinamakan sebagai *Wayang kanak-kanak* melalui kajian ini. Konsep minimalis menerusi rekaan set pentas juga digunakan sebagai medium untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat.



1.4.1 *Wayang kanak-kanak*

Wayang Kanak-kanak dalam konteks penghasilan karya kreatif ini merupakan gabungan elemen wayang kulit yang disuntik ke dalam teater kanak-kanak menerusi elemen iaitu dalang, patung dan kelir bagi menghasilkan sebuah persembahan *Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 dalam Kalangan Kanak-kanak menerusi Wayang Kanak-kanak*. Menurut Syarul Azlina (2019) dalam Ramieza Wahid (2019), teater kanak-kanak bersifat hiburan yang mengandungi matlamat utama untuk mendidik yang dikenali sebagai *edutainment* iaitu gabungan daripada *education* dan *entertainment*. Maka pengkaji akan mengaplikasikan beberapa elemen dalam teater ini menerusi watak, kostum yang menarik seperti haiwan dan penggunaan warna yang menarik, solekan mengikut watak yang diberi, muzik yang mengandungi nyanyian, penerapan nilai murni dan bahasa yang mudah fahami. Elemen sebegini diguna pakai bertujuan untuk merangsang pemikiran terhadap sesuatu isu.

Jenis boneka wayang kulit juga turut diaplikasikan kerana berperanan sebagai ejen dalam menyalurkan kreativiti serta dapat menarik perhatian kanak-kanak dan mencipta peluang kecerdasan untuk kanak-kanak (Roselina Johari Khir, 2013). Terdapat beberapa konsep yang boleh dijadikan panduan untuk pembinaan teater ini adalah dapat merangsang idea dan pemikiran, mengaplikasikan isu sosial yang dijadikan sebagai tema, mampu mendalami dan menyentuh perasaan serta merangsang kanak-kanak dalam pemahaman terhadap isi pembelajaran dengan menggunakan medium hiburan (Hew Jing Ting & Michelle, 2015). Maka pengkaji mengambil medium teater kanak-kanak ini sebagai medium utama untuk pementasan kajian dengan disuntik oleh beberapa elemen wayang kulit.



Wayang kulit merupakan salah satu bentuk pertunjukkan untuk menghubungkan kisah kehidupan manusia secara langsung mahupun tidak langsung dan disampaikan kepada penonton. Menurut Ghulam Sarwar Yousof (1994), "*The art of wayang puppetry, representing a culmination of the Indonesian aesthetic expression, brings together many arts nharmonious unity: the visual arts, vocal and instrumental music, drama, literature, and dance*". Berikut merupakan elemen wayang kulit:

I. Dalang

Wayang Kulit (2003) menyatakan bahawa dalang atau dipanggil sebagai pencerita yang memainkan wayang kulit disebalik kelir, iaitu disebalik layar yang diperbuat daripada kain putih dan disorotkan dibelakangnya sebuah lampu listrik atau lampu minyak. Kesan daripada perkara tersebut ialah penonton akan dapat melihat bayang-bayang patung yang dimainkan oleh

Dalang. Dalang menggalas tanggungjawab yang berat untuk mencuri dan memukau perhatian penonton melalui persembahan dengan watak dan suara yang dilontarkan penuh dengan pelbagai intonasi seperti sedih, marah dan ketawa. Tambahan pula, dalang perlulah bijak dalam menyampaikan mesej yang berunsur nasihat semasa melakukan lawak jenaka (Rahmah Haji Bujang, 2007).

II. Patung

Patung juga merupakan elemen yang penting dalam persembahan wayang kulit. Oleh itu, terdapat ratusan bentuk patung yang diukir dengan memiliki sifat dan gambaran tertentu yang boleh diperoleh pada masa kini. Dalang merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menggerakkan patung dengan menggunakan gaya suara yang berbeza-beza mengikut watak yang dimainkan (Berita Harian, 2012). Menurut buku yang berjudul Wayang Kulit (2003),

pergerakan yang minimal dapat dilihat daripada pergerakan sendi tangan patung semasa melontarkan dialog. Malah kecekapan dalang dalam menggerakkan patung merupakan daya tarikan di mata penonton.

III. Kelir

Manakala penggunaan kelir pula diletakkan hadapan panggung wayang kulit. Kelir menjadi pemisah antara dimensi dunia patung yang dimainkan oleh dalang. Maka dalang perlulah duduk di bahagian belakang kelir dengan melakukan segala pergerakan patung. Berdasarkan kajian pengkaji, patung-patung yang dimainkan oleh dalang akan berinteraksi dengan watak hidup berada hadapan kelir wayang kulit. Watak-watak yang ada dalam karya ini saling berinteraksi untuk menyampaikan mesej kepada golongan kanak-kanak maka ia digambarkan dalam bentuk baharu yang dikenali dalam projek ini

sebagai *Wayang Kanak-kanak*.

1.4.2 Virus Covid-19

Sedasawarsa ini sering meniti dari bibir ke bibir manusia di segenap empat penjuru dunia tentang isu kematian yang saban hari meningkat disebabkan virus. Hal ini timbul apabila dunia telah dikejutkan dengan penyebaran satu virus yang dikenali sebagai *Coronavirus* (CoV). Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari KKM dalam pengkajian Siti Hajar Sahit (2020), virus tersebut sangat aktif dan boleh menyebabkan jangkitan yang mengganggu sistem saluran pernafasan. *Severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS)* dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV)* yang merupakan contoh bagi jenis *Coronavirus*. SARS-CoV-



2 tergolong di dalam kumpulan *Coronavirus*, yang juga terdiri dari virus-virus lain yang pernah menyebabkan penyakit kepada manusia seperti SARS dan MERS.

Virus ini mempunyai persamaan dari aspek penularan antara seseorang dengan cara yang hampir serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Maka titisan itu boleh menembusi objek dan permukaan sekeliling. Individu lain boleh dijangkiti apabila berlaku sentuhan dengan objek tersebut atau menyentuh hidung, mata dan mulut tanpa mencuci tangan. Tambahan lagi, Covid-19 didapati senang berjangkit antara satu individu dengan yang lain seandainya mempunyai kontak rapat dengan individu yang bergejala yang melepaskan bersin atau batuk. Oleh hal yang demikian, kita disarankan untuk mengekalkan jarak minimum satu meter (tiga kaki) antara satu sama lain kerana status kesihatan individu lain adalah dikhuatiri terutama apabila di kawasan yang terbuka dan sesak.

Namun pada saat ini, masih ramai yang tertanya-tanya dari mana datangnya virus ini sehingga mampu menggoncang dunia. Menurut Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar (2020), masih tiada bukti yang kukuh berkenaan dengan berita yang mengatakan bahawa SARS-CoV-2 merupakan hasil ciptaan manusia menggunakan teknik biokejuruteraan. Hal ini kerana para saintis masih tidak menemui bahan bukti asal usul Covid-19. Tetapi apabila ditelusuri pada tahun 2003 terdapat virus SARS yang berasal dari haiwan kelawar maka kajian telah dilakukan terhadap haiwan tersebut. Hasil kajian terdapat 88% persamaan dengan Covid-19. Tambahan pula, Zhang (2020) menyatakan terdapat persamaan genetik 91.02% *Coronavirus* di dalam tenggiling (Pangolin-CoV) serta 90.55% *Coronavirus* di dalam kelawar (BatCoV).





Oleh itu, dipercayai cara penularan utama CoV ini adalah melalui haiwan kepada manusia. Lebih-lebih lagi keupayaan virus yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar untuk merebak ke tubuh manusia bukanlah suatu perkara yang luar biasa. Pada awalnya virus tersebut menular dalam kalangan haiwan dan telah menjangkiti manusia yang menyebabkan gejala penyakit pernafasan ringan seperti selsema biasa. Terdapat pasar yang menjual pelbagai haiwan eksotik seperti musang, ular, buaya, salamander gergasi, burung merak, tikus, daging unta dan landak mula dikaitkan dengan penyebaran virus Covid-19. Hal ini menunjukkan, virus SARS-CoV-2 atau virus Covid-19 juga berpotensi berasal dari haiwan mamalia yang seterusnya menjangkiti manusia. Maka apabila seorang individu telah dijangkiti, sekali gus individu terbabit berpotensi besar menjadi agen penyebar kepada ahli keluarga mahupun rakan terdekat melalui titisan pernafasan.



Oleh itu, apa yang boleh dilakukan buat masa kini bagi memutuskan rangkaian Covid-19 adalah dengan mematuhi segala perintah yang telah dikeluarkan oleh kementerian agar kita bisa hidup dalam keadaan aman sejahtera. Hal ini kerana semua peringkat umur tidak terkecuali daripada dijangkiti virus ini. Menurut Nurulashikin Romli (2020) antara amalan pencegahan virus Covid-19 yang disarankan ialah:

1. Menjaga kebersihan diri dan kawasan persekitaran.

Semua individu digalakan bagi mengutamakan kebersihan diri seperti kerap mandi dan mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau pencuci tangan (*hand sanitizer*). Kebersihan persekitaran tidak harus dipandang enteng kerana perlu dijaga seperti melakukan disinfeksi supaya individu berasa yakin dan selamat.



2. Memakai topeng muka.

Pemakaian topeng muka semasa pandemik Covid-19 adalah diwajibkan ke atas setiap individu ketika berada di luar rumah dan disarankan agar menukar topeng muka secara kerap dari masa ke masa.

3. Berada di dalam rumah '*Stay at Home*'

Kekal berada dirumah jika tiada kepentingan untuk keluar merupakan satu inisiatif mudah bagi individu tersebut menghindari diri dan keluarga daripada dijangkiti virus Covid-19. Masa yang berkualiti ini dapat diluangkan bersama keluarga tercinta dengan melakukan pelbagai aktiviti seperti memasak, berkebun, bersukan yang bersifat dalaman dan bertukang.

4. Jaga jarak satu meter

Pastikan penjagaan jarak satu meter apabila anda berurusan di luar untuk membeli barang, bekerja dan sebagainya. Penjagaan jarak ini dapat mengelakkan daripada bersentuhan dengan individu yang dikenali mahupun tidak.

5. Melakukan saringan

Sekiranya telah mengunjungi mana-mana tempat yang dikesan oleh kementerian sebagai kluster, anda wajib melakukan saringan untuk memantau status kesihatan diri. Hal ini bagi memastikan diri dalam keadaan baik atau sebaliknya sebelum mengambil langkah selanjutnya.

6. Kuarantin diri

Wajarlah melaporkan kepada pusat kesihatan sekiranya anda pulang daripada kawasan zon merah atau negara luar seperti China, Jepun, Korea Selatan dan Itali. Kuarantin mengambil masa selama 14 hari berturut-turut. Selain itu,

perlulah merujuk kepada hospital apabila mengalami simptom demam, sakit tekak, batuk, selsema dan kesukaran untuk bernafas.

1.4.3 Konsep minimalis

Konsep minimalis akan diguna pakai oleh sinografi bagi pementasan *Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 Dalam Kalangan Kanak-Kanak Menerusi Wayang Kanak-kanak*. Konsep boleh ditakrifkan sebagai idea yang merupakan panduan kepada pengkaji dalam menghasilkan satu rekaan. Menurut Morris (1967), minimalis didefinisikan sebagai sesuatu bentuk keadaan yang mudah dan ringkas tetapi terperinci. Selain itu, menurut Donald Judd (1964) di dalam Larry Lajinoh (2017) konsep minimalis mula muncul dalam karya seni apabila penggiat seni tidak mempunyai dana yang mencukupi rentetan daripada peristiwa Perang Dunia Kedua yang menyebabkan kerugian dan kemusnahan yang besar (Donald Judd, 1964). Selepas itu, konsep minimalis ini telah dijadikan ikutan daripada para penggiat seni dengan menggunakan subjek yang minimum tetapi berhasil mementaskan karya tanpa perbelanjaan yang besar.

Tambahan pula, berdasarkan buku yang berjudul *The Empty Space* (1968), Peter Brook ada menyatakan bahawa minimalis adalah satu gagasan idea yang pengarah telah menjustifikasikan ideanya kepada pereka artistik dengan mengutamakan idea rekaan yang penting sahaja. Tambahan pula, konsep minimalis ini diaplikasikan oleh Samuel Beckett dalam pementasan yang bertajuk *Waiting For Godot* melalui pengkajian Steven Connot (1992). Samuel Beckett hanya menggunakan sebatang



pokok dan sebuah batu besar sebagai set pentasnya. Walaupun hanya menggunakan dua subjek sahaja, set rekaannya itu mampu memberi gambaran lokasi babak tersebut iaitu menggambarkan situasi tempat orang menunggu bas di tepi jalan.

1.4.4 Medium persembahan secara dalam talian

Terdapat beberapa kelebihan yang boleh diperoleh daripada menonton persembahan teater secara dalam talian iaitu *Facebook live*. Menurut Tamara Anastasia Wijaya dan Fina Prichilia (2018), persembahan teater kini semakin maju dan berkembang mengikut arus kemajuan sains dan teknologi kerana penonton juga dapat menyaksikan persembahan secara dalam talian. Malah dengan menonton teater kanak-kanak dapat belajar aspek pendidikan moral yang berguna dalam kehidupan harian. Tidak dinafikan bahawa sememangnya kanak-kanak sudah diberi didikan di rumah dan di sekolah tetapi dengan pendekatan baru seperti menonton teater mampu menjadikan proses didikan tersebut lebih mudah difahami dan diikuti.

Tambahan pula, kanak-kanak dapat mempelajari dan mengenal adat dan budaya menerusi persembahan teater. Walaupun tidak semua teater mengandungi persembahan yang berbau adat dan budaya, tetapi jika ditelusuri dengan kaca mata halus sebahagian besar pertunjukan teater mengandungi unsur dan adat. Hal ini demikian kerana persembahan teater dalam talian juga mampu menekankan elemen teatralik sebagaimana persembahan secara langsung di ruang panggung atau pentas dengan memiliki aspek kostum, cerita, bahasa serta set dan props yang membawa budaya dari pelbagai tempat. Perkara ini boleh dijadikan topik untuk dibincangkan bersama kanak-





kanak semasa persembahan berlangsung di ruangan komen yang disediakan. Maka secara tidak langsung aktiviti menonton dan diskusi secara interaktif yang akan dikendalikan oleh pihak produksi yang bertindak sebagai pentadbir (*admin*) boleh berjalan secara serentak semasa pementasan.

Faktor yang berkait rapat dengan perkembangan kanak-kanak terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman termasuklah pemakanan, kesihatan, bakat dan pengamatan terhadap diri sendiri. Manakala faktor luaran pula merangkumi budaya, media massa, sosioekonomi, keperluan di rumah dan sekolah. Kanak-kanak mengambil tempoh masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu perkara kerana mereka tidak didedahkan dengan perkembangan dunia luar. Oleh itu, persembahan teater dalam talian berupaya menjadi medium interaktif dalam memaksimumkan proses perkembangan dan tingkahlaku kanak-kanak untuk memahami sesuatu pembelajaran dengan lebih jelas. Bahkan, kelebihan lain yang boleh diperoleh daripada persembahan dalam talian ialah mampu mensosialisasikan kanak-kanak dengan norma masyarakat kerana mereka didedahkan dengan persekitaran pembelajaran yang lebih luas berbanding di rumah mahupun tabika. Kanak-kanak tersebut lebih mudah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semasa dan memiliki daya intelektual yang tinggi berbanding kanak-kanak yang tidak mendapat pendedahan.

Kekuatan yang boleh didapati daripada medium dalam talian, menurut Aine Norwan et.al (n.d) ialah penontonan video boleh dilakukan secara berulang-ulang. Contohnya, pelajar boleh menonton video yang berkaitan dengan pembelajaran secara berulang-kali sehingga mereka menguasainya. Tambahan pula, penggunaan video mampu dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal



ini kerana kadar kefahaman pelajar didapati dapat ditingkatkan dengan penggunaan media oleh para pengajar. Pembelajaran ini boleh dilakukan secara berkumpulan mahupun individu tanpa memerlukan pengajar berada sepanjang masa di sisi mereka.

Kelebihan menggunakan medium ini adalah membolehkan proses pembelajaran berjalan mengikut tahap penerimaan dan keperluan pelajar. Justeru, daya kefahaman individu adalah berbeza. Pelajar boleh memainkan video, mengulang dan memberhentikan seketika video yang telah disediakan mengikut keperluan, masa dan kefahaman masing-masing. Tambahan, penggunaan video juga mampu dalam meraih emosi dan mengubah sikap seseorang. Persembahan video yang berbentuk realistik mampu meraih emosi pelajar dengan lebih mudah berbanding penggunaan imej yang berbentuk statik. Contohnya, dalam sebuah video yang mengandungi mesej berkaitan penularan Covid-19 dan terdapat juga video memaparkan keadaan sebenar sesebuah negara dipenuhi mayat pesakit yang bergelimpangan di jalanan atas sebab kekurangan tenaga dan sumber kewangan untuk menguruskannya. Secara tidak langsung ia mampu memberi kesan kepada emosi para penonton, maka dengan pantas sikap seseorang mampu diubah ke arah yang lebih prihatin terhadap fenomena yang semakin mengusarkan ini.

1.5 Imaginasi dan idea penciptaan

Teater kanak-kanak diguna pakai atas dasar ia lebih dekat dan serasi dengan kanak-kanak. Malah penggunaan elemen wayang kulit pula ialah dalang, patung dan kelir. Menurut Smilansky didalam kajian Rachmawati (2010), dengan mengaplikasikan



medium wayang kulit ke dalam pembelajaran, pelajar dapat membina daya berimajinasi bagi meningkatkan kreativiti, intelektual, kemahiran bahasa dan sosial. Oleh yang demikian, projek ini akan menyuntik beberapa elemen wayang kulit ke dalam teater kanak-kanak yang digunakan sebagai terma *Wayang Kanak-kanak*.

Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, pendekatan baru bagi pendidik untuk mengadakan sesi pembelajaran secara dalam talian adalah salah satu cabaran yang perlu diharungi. Menurut Baharom Mohamad dan Mohamad Johdi (2009), terdapat usaha penambahbaikan bermula peringkat pra sekolah telah dilakukan dalam melaksanakan teras dasar pembangunan modal insan iaitu “membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan S&T yang kukuh dan memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan”.



Grenfell (2006) turut menyatakan bahawa dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang unggul hendaklah menggunakan bahan yang berbentuk audio, interaktif web, animasi, e-mail, tutorial dalam talian dan video web. Oleh itu, pengkaji ingin menyampaikan mesej tentang amalan yang perlu dilakukan bagi memutuskan rangkaian Covid-19 melalui dalam talian kerana pencapaian pembelajaran dalam talian dan kaedah tradisional tiada bezanya. Malah sekiranya dibuat secara dalam talian menggunakan *Facebook live* rakaman tersebut boleh ditonton tanpa sekatan masa.

Karya *Malang Si Panda* melibatkan pelbagai jenis haiwan yang mewakili negara sebagai contoh, Panda mewakili China, Kanggaru mewakili Australia, Gajah mewakili Thailand, Harimau mewakili Malaysia dan Unta mewakili Arab. Oleh itu, haiwan-haiwan mencerminkan tindakan manusia pada masa sekarang ini. Ceritanya



bermula apabila haiwan-haiwan tersebut telah diletakkan di satu tempat semasa perintah kuarantin. Mereka saling menyalahkan antara satu sama lain disebabkan virus ini. Semua menyalahkan Panda kerana merupakan duta negara China. Seperti yang kita sedia maklum, pada babak permulaan pandemik dunia ini, perkataan virus Wuhan digunakan sebelum badan kesihatan dunia World Health Organization (WHO) mengeluarkan sebarang garis panduan. Perkataan *Chinese Virus* yang digunakan oleh Amerika Syarikat juga dalam beberapa kenyataan bersifat negatif dan perkauman dalam situasi dunia yang berhadapan pandemik ini.

Pengkaji menjelaskan ekspresi yang terdapat dalam persembahan menerusi pembangunan dialog dan lagu. Dialog dan lagu yang digunakan menggambarkan perasaan individu mengenai pandemik Covid-19 seperti bergaduh antara satu sama lain dalam mencari punca virus ini merebak, mencari Tuhan kerana ingin memohon keampunan terhadap dosa yang telah dilakukan dan sifat mementingkan diri sendiri. Dalam menghasilkan pementasan ini, terdapat tiga fasa iaitu:

Jadual 1.1

Fasa dalam pementasan

FASA 1	FASA 2	FASA 3
Pra produksi	Produksi	Pasca produksi
1. Mengumpulkan data yang berkaitan persembahan dan isu yang ingin diangkat. 2. Proses penghasilan naskhah. 3. Pembuatan wayang kulit. 4. Kostum. 5. Sinografi.	1. Memastikan segala perancangan berjalan dengan lancar. 2. Mengedarkan soal selidik sebelum dan selepas tontonan video kepada responden untuk sesi maklum balas responden.	1. Refleksi. 2. Mengumpulkan maklum balas persembahan daripada responden yang dinyatakan di ruangan <i>Facebook live</i>, guru dan ibu bapa.

FASA 1	FASA 2	FASA 3
Pra produksi	Produksi	Pasca produksi
6. Pemilihan pelakon, lokasi, masa dan tarikh persembahan. 7. Perancangan pemasaran dan publisiti. 8. Latihan. 9. Rakaman. 10. Suntingan.	3. Pementasan secara formal berlangsung secara dalam talian.	

1.6 Kesimpulan

Bagi menjalankan sesebuah kajian, pengkaji perlu mendalami dan memahami medium yang akan digunakan untuk pementasan karya. Selain itu, pengkaji juga wajar mencari gali maklumat yang bersesuaian untuk disampaikan kepada kanak-kanak yang berkaitan dengan pencegahan virus Covid-19. Perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana pandemik Covid-19 ini sedang ligat bermain dipentas dunia yang mengakibatkan semua lapisan masyarakat termasuklah golongan kanak-kanak. Bab satu ini telah menjelaskan tentang inspirasi, matlamat penciptaan, objektif penciptaan, kontekstualisasi topik dan imaginasi untuk penciptaan pementasan yang bertajuk *Malang Si Panda: Penerapan Kesedaran Terhadap Pencegahan Covid-19 dalam Kalangan Kanak-kanak menerusi Wayang Kanak-kanak*. Oleh itu, dalam bab seterusnya pengkaji akan mengupas tentang kajian literatur yang berkaitan dengan pementasan kajian ini seperti pembelajaran dalam talian, teater kanak-kanak dan wayang kulit.